



## Tun M sertai majlis bacaan Yasin, doa selamat BERSATU

Tun Dr Mahathir Mohamad menyertai ratusan ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada majlis bacaan Yasin dan doa selamat sempena sambutan ulang tahun ketiga penubuhan parti berkenaan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, malam tadi. Yang turut menyertai beliau pada majlis itu adalah jemaah bukan daripada kalangan ahli parti terbabit. Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU tiba di masjid berkenaan kira-kira jam 7 petang, disambut oleh Presiden

BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Timbalan Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir. Majlis dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah diimamkan Sheikh Abdul Karim Omar Al-Makki, diikuti bacaan Yasin serta doa selamat sebelum diakhiri dengan solat Isyak. Yang turut hadir, Naib Presiden BERSATU merangkap Pengerusi BERSATU Selangor, Datuk Abdul Rashid Ansari; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pendidikan Dr Maszled Malik. BERNAMA